



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

HIGHLIGHTS

UiTM Mukah Tuan Rumah Bagi Sukan Muhibah Staf 2023, UiTM Cawangan Sarawak

Penulis: Yahutazi Chik dan Mohd Khairrolazlin Sahari

MUKAH: Kelab Kakitangan UiTM Sarawak (KEKiTA) dengan kerjasama Unit Sukan UiTM Cawangan Sarawak dan UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah menganjurkan Sukan Muhibah Staf UiTM Cawangan Sarawak dari 26 hingga 30 Ogos 2023. Kejohanan sukan yang menghimpunkan atlet-atlet serta warga UiTM Cawangan Sarawak bagi ketiga-tiga kampus yang meliputi kontinjen dari Kampus Samarahan (Q), Kampus Samarahan 2 (Q5) dan Kampus Mukah (Q6) serta turut disertai oleh dua kontinjen daripada syarikat konsesi penyelenggaraan bangunan kampus di bawah *Private Funded Initiative* (PFI) iaitu Konsesi Mukah (Global Facilities Management Sdn. Bhd.) dan Konsesi Samarahan 2 (Rekajaya Project Sdn. Bhd.)

Sukan Muhibah kali ini sangat menarik kerana diadakan bersempena dengan sambutan ulang tahun jubli emas ke-50 penubuhan UiTM Cawangan Sarawak dan UiTM Kampus Mukah telah dipilih sebagai tuan rumah bagi penganjuran acara kejohanan sukan yang berprestij peringkat UiTM Cawangan Sarawak ini. Diantara acara-acara yang telah dipertandingkan dalam kejohanan sukan kali ini adalah seperti berikut; badminton, bola tampar, futsal lelaki, bola jaring, sepak takraw regu, dart, karom, larian, tenis, memanah, dan ping pong yang telah disertai seramai lebih kurang 267 orang atlet. Kampus Samarahan (Q) telah merangkul pingat emas bagi kebanyakan acara yang dipertandingkan iaitu 11 pingat emas bagi acara bola tampar, futsal lelaki, badminton, sepak takraw, dart karom, memanah, ping pong dan juga acara larian. Kampus Mukah (Q6) pula memperoleh pingat emas dalam acara bola jaring dan tenis. Manakala Konsesi Mukah (KQ6) pula merangkul pingat emas acara larian lelaki senior.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Hamali, Rektor UiTM Cawangan Sarawak pada 27 Ogos 2023 di Dewan Sri Balau, Kampus Mukah manakala majlis penutupan pula telah diadakan pada 29 Ogos 2023 oleh Prof. Madya Dr. Abdul Razak Abdul Kadir, Penolong Rektor, UiTM Kampus Mukah yang juga merangkap pengerusi bagi Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam penganjuran kejohanan sukan ini yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Induk Program, Ahli Jawatankuasa Pelaksana, Penyelaras Acara Sukan, Pengurus Pasukan, Atlet dan juga sukarelawan yang terdiri daripada pelajar UiTM Kampus Mukah.

